

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam saham dan sekuriti berkadar tetap melalui <b>PRULink Equity Fund</b> dan <b>PRULink Bond Fund</b> dan dalam mana-mana dana <b>PRULink</b> lain yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Nisbah aset peruntukan neutral ialah 80% dalam ekuiti dan 20% dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap dengan pergerakan yang boleh dibenarkan +/-10%.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<b>Strategi Pelaburan</b> Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana(-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.  <i>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana(-dana) Sasaran.</i>
Peruntukan Aset	Dana melabur di antara 70% ke 90% Dana NAV dalam saham melalui <b>PRULink Equity Fund</b> atau mana-mana dana <b>PRULink</b> , yang melabur dalam saham-saham, yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana juga akan melabur di antara 10% dan 30% Dana NAV ke dalam sekuriti pendapatan tetap melalui <b>PRULink Bond Fund</b> atau mana-mana dana <b>PRULink</b> , yang melabur dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap, yang mungkin ditawarkan pada masa depan.  Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate  <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a> dan <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)

## Yuran & Caj


Caj Pengurusan Dana	1.30% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

**PRULink Managed Fund II Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20%  
Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate**



**Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.**

Tahun	Prestasi PRULink Managed Fund II	Piawaian Prestasi	
		80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate	
2013	9.51%		9.75%
2014	-2.14%		-4.33%
2015	0.58%		-1.61%
2016	0.06%		-1.31%
2017	10.85%		10.77%
2018	-4.37%		-6.78%
2019	0.18%		-1.65%
2020	6.30%		3.58%
2021	-0.31%		-2.97%
2022	-0.13%		-3.82%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2022

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

## PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

### Maklumat tambahan untuk PRULink Managed Fund II

Sejak pelancaran Dana sehingga 15 Julai 2022, PRULink Managed Fund II melabur dalam Dana-dana Sasaran iaitu PRULink Equity Fund dan PRULink Bond Fund diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad.

Berkuatkuasa bermula dari 16 Julai 2022, pelaburan Dana akan diperuntukkan semula ke PRULink Strategic Fund, PRULink Equity Fund, PRULink Bond Fund dan/atau PRULink Money Market Fund ["Dana(-dana) Sasaran"] yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad.

PRULink Strategic Fund bermatlamat untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset-aset domestik termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana diniagakan. Faktor-faktor Environmental, Social & Governance ("ESG") akan dipertimbangkan secara umum sebagai sebahagian proses pelaburan.

Prestasi dana bagi dasar PRULink Strategic Fund yang denominasi dalam MYR pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020
Prestasi Bersih	-0.91%	2.30%	0.71%*

\* Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg pada 31 Disember 2022

PRULink Equity Fund bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam saham-saham berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Prestasi dana bagi dasar PRULink Equity Fund yang denominasi dalam MYR pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
Prestasi Bersih	-0.08%	0.00%	7.25%	-1.67%	-6.33%	12.33%	-1.11%	-0.29%	-3.70%	11.54%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg pada 31 Disember 2022

PRULink Bond Fund bertujuan menyediakan pengumpulan modal dalam jangkamasa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam sekuriti faedah tetap, bon korporat dan deposit tetap.

Prestasi dana bagi dasar PRULink Bond Fund yang denominasi dalam MYR pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
Prestasi Bersih	0.96%	-1.21%	4.73%	8.24%	4.45%	4.47%	4.46%	3.66%	3.45%	2.17%

## PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg pada 31 Disember 2022

**PRULink Money Market Fund** bertujuan mengekalkan nilai modal dan menjana pulangan yang setanding dengan deposit bank jangka pendek. Selain daripada pendedahan risiko yang minimum, Dana juga mengekalkan tahap kecairan yang tinggi dengan melabur terutamanya dalam instrumen pasaran wang jangka pendek dan sekuriti hutang yang berkualiti tinggi serta berisiko rendah. Walaupun Dana bermatlamat mengekalkan nilai prinsipal, kemampuan Dana untuk memenuhi matlamat tersebut adalah tidak dijamin.

Prestasi dana bagi dasar **PRULink Money Market Fund** yang denominasi dalam MYR pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
Prestasi Bersih	1.87%	1.40%	1.97%	2.76%	3.09%	3.03%	3.59%	4.10%	4.73%	3.55%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg pada 31 Disember 2022

Yuran pengurusan boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana(-dana) Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.30% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sub dan Sasaran yang diambil sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

## Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRULink Managed Fund II

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

#### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

## **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

## **Risiko Kredit / Kemungkiran**

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran wang pokok dan faedah.

## **Risiko Negara**

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi sesebuah negara. Pelaburan mungkin terjejas oleh kebimbangan dalam negara di mana pelaburan dilakukan seperti perkembangan politik domestik, sekatan ke atas pelaburan asing dan penghantaran wang balik ke negara pelabur, perubahan dalam polisi kerajaan, perubahan dalam percukaian dan lain-lain perkembangan dalam perundangan dan pengawalan. Selain itu, kurangnya maklumat umum, infrastruktur perundangan dan ketiadaan piawai perakaunan, audit dan laporan kewangan yang seragam dan lain-lain amalan dan peruntukan pengawalan mungkin mengurangkan kemampuan untuk melindungi pelabur. Seseengah sekuriti mungkin dikenakan cukai kerajaan atau melibatkan perbelanjaan perlindungan yang lebih tinggi yang boleh mengurangkan hasil sekuriti tersebut.

## **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

## **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

## **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Saham / Penerbit**

Risiko ini merujuk kepada risiko individu syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko spesifik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, saman perundangan, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan suasana industri, dan kesilapan dan kecuaiian pengurusan. Walau bagaimanapun, risiko ini diminimumkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor yang berbeza, justeru berfungsi secara bebas antara satu sama lain.

## **Risiko Portfolio**

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

## **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana(-dana) Sasaran atau Dana(-dana) Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana(-dana) Sasaran")**

### **Risiko Sekuriti**

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pengurus Dana(-dana) Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

### **Risiko Pengurusan Dana(-dana) Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana(-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana(-dana) Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana(-dana) Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mana Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

### **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana(-dana) Sasaran**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana(-dana) Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana(-dana) Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana(-dana) Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana(-dana) Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana(-dana) Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana(-dana) Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana(-

## PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

dana) Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana(-dana) Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

### **Risiko Caj-Caj kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana(-dana) Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

*Senarai di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang-pemegang polisi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.*

## Pengurusan Risiko

### **Risiko Peramalan**

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

### **Kawalan Sistem**

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari peningkatan modal yang sederhana dalam tempoh pelaburan jangka masa sederhana ke panjang.</li><li>• Mempunyai toleransi risiko yang sederhana.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Penilaian Unit</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan nilai dana dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana <b>PRULink</b> selepas pemotongan belanja bagi pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Prudential akan menilai pelbagai Dana-dana <b>PRULink</b> pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana <b>PRULink</b> dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti, Harga Unit dana <b>PRULink</b> akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% daripada mana-mana Dana <b>PRULink</b> yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah besar jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan niaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana <b>PRULink</b>.</li></ul> <p><i>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</i></p>